

SYARAT-SYARAT PENCALONAN ANUGERAH INSPIRASI MAHASISWA (AIM)

1. Penyertaan adalah **TERBUKA KEPADA SEMUA MAHASISWA UTHM** yang belajar secara **SEPENUH MASA** di peringkat **DIPLOMA ATAU IJAZAH SARJANA MUDA SAHAJA**.
2. Pencalonan bagi **ANUGERAH PEMIMPIN PELAJAR ANTARABANGSA** hanya dibuka kepada mahasiswa antarabangsa di UTHM yang belajar secara **SEPENUH MASA** di peringkat **DIPLOMA ATAU IJAZAH SARJANA MUDA SAHAJA**.
3. Calon hendaklah berstatus **AKTIF DALAM PENGAJIAN SEHINGGA 30 SEPTEMBER 2025**.
4. Penilaian adalah bagi pencapaian dan program yang dianjurkan **BERMULA 1 OKTOBER 2024 HINGGA 31 OKTOBER 2025 SAHAJA**.
5. CALON MESTILAH MEMILIKI **CGPA TERKINI SEKURANG-KURANGNYA 3.00 BAGI KATEGORI PEMIMPIN TERBAIK**.
6. Calon hanya layak memohon **SATU KATEGORI** yang dipertandingkan sahaja. Namun calon boleh menghantar **DUA PENCALONAN** bagi kategori yang sama. Contohnya Anugerah Pemimpin Kerohanian Terbaik dan Anugerah Program Kerohanian Terbaik.
7. Borang pencalonan yang telah lengkap hendaklah **DISAHKAN OLEH PEGAWAI HAL EHWAL PELAJAR / TIMBALAN DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI / PENASIHAT / PENGARAH SAHAJA**.
8. Calon hendaklah mengemukakan **HANYA 1 PROGRAM SAHAJA YANG MENUNJUKKAN PENCAPAIAN BERSAMA-SAMA BUKTI** yang diminta di dalam sistem permohonan.
9. Pemenang 17 kategori individu (calon Anugerah Pemimpin Terbaik) yang dipertandingkan akan secara automatik layak bertanding untuk Anugerah Utama dan hanya satu pemimpin mahasiswa sahaja akan dinobatkan sebagai Anugerah Tokoh Siswa UTHM.
10. Pemenang 14 kategori berkumpulan (calon Anugerah Program Terbaik) yang dipertandingkan akan secara automatik layak bertanding untuk Anugerah Utama dan hanya satu program sahaja akan diiktiraf sebagai Anugerah Program Terbaik.

11. Semua pemenang Anugerah Inspirasi Mahasiswa (kategori yang dipertandingkan) bagi tahun sebelum ini **TIDAK LAYAK** untuk dicalonkan lagi untuk tahun semasa dan berikutnya.
12. Borang yang **TIDAK LENGKAP, LEWAT DITERIMA SELEPAS PENCALONAN DITUTUP ATAU TERDAPAT SEBARANG PENIPUAN** tidak akan diproses.
13. Keputusan Jawatankuasa Pemandu Anugerah Inspirasi Mahasiswa adalah **MUKTAMAD**.